

KEMUDAHAN PERALIHAN KARBON RENDAH ALLIANCE-i (LCTF-i)

Helaian Maklumat Produk

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK	Alliance Islamic Bank Berhad (“Bank”)										
Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kemudahan Peralihan Karbon Rendah Alliance-i (LCTF-i). Sekiranya permohonan anda telah diluluskan, sila pastikan anda telah membaca terma-terma dalam surat tawaran sebelum menerima tawaran kemudahan daripada pihak Bank. Sila rujuk kepada pengurus perhubungan anda sekiranya anda memerlukan penjelasan mengenai terma-terma tersebut.	Nama Produk: Kemudahan Peralihan Karbon Rendah Alliance-i (LCTF-i) Tarikh:										
1. Apakah produk ini?	Satu produk pembiayaan jangka panjang yang ditawarkan kepada entiti perniagaan di bawah Dana Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memacu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk beralih kepada operasi rendah karbon melalui penerapan amalan kelestarian demi meningkatkan daya tahan perniagaan untuk tujuan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan Modal (CAPEX). 										
2. Apakah kontrak Shariah yang berkenaan?	<ul style="list-style-type: none"> • Konsep Shariah yang berkenaan ialah Komoditi Murabahah (Murabahah melalui Tawarruq). • Tawarruq terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli. Bank akan membeli komoditi daripada pembekal dan memasuki kontrak Murabahah dengan pelanggan untuk menjual komoditi tersebut kepada pelanggan secara bayaran tertangguh berdasarkan Harga Jualan Bank. Selepas itu, pelanggan akan menjual semula komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera. • Kontrak jual beli ini dilaksanakan melalui pengaturan “agensi dua hala”. Pelanggan sebagai prinsipal akan melantik Bank sebagai ejen melalui dokumen Pelantikan Wakil (kontrak Wakalah) untuk: a) membeli komoditi daripada Bank; dan b) menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Setelah Tawarruq selesai, hasil daripada penjualan komoditi kepada pihak ketiga akan disalurkan kepada pelanggan. • Transaksi jual beli akan dilaksanakan melalui Platform Dagangan Eiger atau platform dagangan Bursa Commodity House. • Komoditi dalam kontrak jual beli mestilah komoditi yang patuh Shariah seperti minyak sawit mentah atau logam [Aluminium Primer London Metal Exchange (LME), Zink Gred Tinggi Khas LME, Tembaga Gred A LME, dan Palladium]. 										
3. Apakah yang dapat saya peroleh daripada produk ini?	<table border="1"> <tr> <td>Had Pembiayaan</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>bulan _____</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Berkesan</td> <td>% setahun (tetap)</td> </tr> <tr> <td>Harga Jualan Bank</td> <td> <p>RM _____</p> <p>Formula:</p> <p>a) Faktor Anuiti (AF) = $\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1}$</p> <p>Di mana i = Kadar siling n = Jumlah keseluruhan bayaran berkala</p> <p>b) Bayaran Berkala (PR) = AF x FA</p> <p>Di mana FA = Jumlah Pembiayaan</p> <p>c) Harga Jualan = PR x n</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1"> <tr> <td>Kadar Keuntungan yang Dipersetujui</td> </tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Bank : RM1,000,000 (Kos Pembiayaan) • Kadar Keuntungan Berkesan : 12% • Tempoh Bayaran : 10 tahun • Harga Jualan Bank: RM1,721,640.00 </td> </tr> </table> <p>Makluman: Contoh di atas hanya untuk tujuan ilustrasi. Harga akhir jual beli, kadar dan tempoh akan berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank.</p> </td></tr> </table>	Had Pembiayaan	RM _____	Tempoh	bulan _____	Kadar Keuntungan Berkesan	% setahun (tetap)	Harga Jualan Bank	<p>RM _____</p> <p>Formula:</p> <p>a) Faktor Anuiti (AF) = $\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1}$</p> <p>Di mana i = Kadar siling n = Jumlah keseluruhan bayaran berkala</p> <p>b) Bayaran Berkala (PR) = AF x FA</p> <p>Di mana FA = Jumlah Pembiayaan</p> <p>c) Harga Jualan = PR x n</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1"> <tr> <td>Kadar Keuntungan yang Dipersetujui</td> </tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Bank : RM1,000,000 (Kos Pembiayaan) • Kadar Keuntungan Berkesan : 12% • Tempoh Bayaran : 10 tahun • Harga Jualan Bank: RM1,721,640.00 </td> </tr> </table> <p>Makluman: Contoh di atas hanya untuk tujuan ilustrasi. Harga akhir jual beli, kadar dan tempoh akan berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank.</p>	Kadar Keuntungan yang Dipersetujui	<ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Bank : RM1,000,000 (Kos Pembiayaan) • Kadar Keuntungan Berkesan : 12% • Tempoh Bayaran : 10 tahun • Harga Jualan Bank: RM1,721,640.00
Had Pembiayaan	RM _____										
Tempoh	bulan _____										
Kadar Keuntungan Berkesan	% setahun (tetap)										
Harga Jualan Bank	<p>RM _____</p> <p>Formula:</p> <p>a) Faktor Anuiti (AF) = $\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1}$</p> <p>Di mana i = Kadar siling n = Jumlah keseluruhan bayaran berkala</p> <p>b) Bayaran Berkala (PR) = AF x FA</p> <p>Di mana FA = Jumlah Pembiayaan</p> <p>c) Harga Jualan = PR x n</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1"> <tr> <td>Kadar Keuntungan yang Dipersetujui</td> </tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Bank : RM1,000,000 (Kos Pembiayaan) • Kadar Keuntungan Berkesan : 12% • Tempoh Bayaran : 10 tahun • Harga Jualan Bank: RM1,721,640.00 </td> </tr> </table> <p>Makluman: Contoh di atas hanya untuk tujuan ilustrasi. Harga akhir jual beli, kadar dan tempoh akan berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank.</p>	Kadar Keuntungan yang Dipersetujui	<ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Bank : RM1,000,000 (Kos Pembiayaan) • Kadar Keuntungan Berkesan : 12% • Tempoh Bayaran : 10 tahun • Harga Jualan Bank: RM1,721,640.00 								
Kadar Keuntungan yang Dipersetujui											
<ul style="list-style-type: none"> • Harga Jualan Bank : RM1,000,000 (Kos Pembiayaan) • Kadar Keuntungan Berkesan : 12% • Tempoh Bayaran : 10 tahun • Harga Jualan Bank: RM1,721,640.00 											

4. Apa tanggungjawab saya?

Bayaran Prinsipal dan Keuntungan (Harga Jualan)

Prinsipal hendaklah dibayar secara bulanan atau sekaligus pada akhir tempoh pembiayaan (bayaran peluru).

Bayaran Keuntungan

Keuntungan hendaklah dibayar secara bulanan.

Penggunaan LCTF-i untuk Tujuan Patuh Shariah

Pembiayaan ini mestilah tidak digunakan untuk aktiviti perniagaan yang dilarang oleh Shariah. Contoh aktiviti yang dilarang adalah aktiviti yang melibatkan arak, perjudian, penernakn babi dan produk berkaitan babi. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti yang dilarang oleh Shariah, sila rujuk kepada pengurus perhubungan anda atau mana-mana kakitangan cawangan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Berikut adalah yuran dan caj yang dikenakan bagi kemudahan ini:

Yuran dan Caj	Butiran
Duti Setem	Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
Yuran Dokumentasi	Tiada
Yuran Broker	Yuran yang perlu dibayar kepada penyedia perkhidmatan dagangan komoditi bagi urus niaga komoditi yang dilakukan sebelum pembiayaan disalurkan. Melainkan dimaklumkan secara bertulis oleh pihak Bank kepada pelanggan, yuran ini akan ditanggung oleh pihak Bank.

Makluman:

Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda. Anda akan dimaklumkan tentang sebarang perubahan kepada yuran dan caj sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh efektif perubahan tersebut. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk laman web <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges>.

6. Apa akan terjadi jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Caj Penalti Lewat (LPC) akan dikenakan dan akan meningkatkan jumlah tertunggak kepada Bank.

LPC dikira seperti berikut:

- (i) Semasa tempoh pembiayaan sehingga tarikh matang, caj penalti berdasarkan kos sebenar Bank, sehingga kadar tidak melebihi 1% setahun atau maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, ke atas jumlah tertunggak yang terakru dari tarikh tamat tempoh hingga tarikh penyelesaian.
- (ii) Sekiranya berlaku kemungkinan (keseluruhan kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah sebelum matang), caj penalti lewat berdasarkan kos sebenar Bank, sehingga kadar tidak melebihi 1% setahun atau maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, ke atas jumlah tertunggak (pokok tertunggak dan keuntungan terakru) dari tarikh tamat tempoh hingga tarikh penyelesaian atau penghakiman (yang mana lebih awal).
- (iii) Selepas tarikh matang – caj penalti lewat berdasarkan kos sebenar Bank, sehingga kadar tidak melebihi kadar harian semalam Islam Pasaran Wang Antara Bank (IIMM) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, ke atas jumlah tertunggak (pokok tertunggak dan keuntungan terakru).
- (iv) Kemudahan dibawa ke mahkamah untuk penghakiman – caj penalti lewat pada kadar IIMM semasa yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, ke atas jumlah tertunggak (tidak termasuk caj pembayaran lewat terkumpul dan caj lain sebelum penghakiman) dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman diselesaikan sepenuhnya.

Walau apa pun di atas, jumlah pampasan tidak akan digabungkan.

Formula:

Caj Penalti Lewat ("LPC") = Jumlah Tertunggak x Kadar LPC x Bilangan hari kelewatan / 365 hari

Contoh:

Ansuran bulanan	RM1,422
Kadar LPC	1% setahun
LPC bagi ansuran November dalam tunggakan	$RM1,422 \times 1\% \times 30/365 = RM1.16$
LPC bagi ansuran Disember dalam tunggakan	$RM1,422 \times 1\% \times 31/365 = RM1.20$
Jumlah LPC Terkumpul (tidak bergabung)	$RM1.16 + RM1.20 = RM2.36$

- Sekiranya sebarang jumlah yang perlu dibayar bagi kemudahan ini tidak dijelaskan selama tiga (3) bulan berturut-turut, akaun pembiayaan anda akan diklasifikasikan sebagai Pembiayaan Tidak Berprestasi (NPF). Ini akan menjelaskan penggunaan anda terhadap kemudahan perbankan lain dengan Bank.

- Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk tolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun deposit untuk menetapkan tunggakan dalam akaun pembiayaan dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan Penjamin (jika ada).

7. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Kemudahan boleh ditebus pada bila-bila masa sebelum tempoh matang, tertakluk kepada sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis bertulis kepada Bank.
- Bank akan memberikan Ibra' (rebat) pada tarikh penyelesaian berdasarkan formula berikut jika berlaku mana-mana situasi berikut:
 - Penebusan atau penyelesaian awal dengan notis bertulis daripada pelanggan;
 - Penyelesaian akibat penstruktur semula kemudahan pembiayaan;
 - Penyelesaian oleh pelanggan apabila kemudahan berada dalam keadaan ingkar / selepas tindakan undang-undang oleh Bank;
 - Penyelesaian oleh pelanggan jika berlaku penamatatan atau pembatalan kemudahan sebelum tarikh matang kontrak.

Formula:

Jumlah Penyelesaian = Jumlah Kemudahan Tertunggak + Keuntungan Terhutang – Ibra' (rebat) + Caj Bayaran Lewat (jika ada) + Caj Lain-lain (jika ada)

Di mana:

Ibra' (rebat) = Keuntungan Tertunda – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

Makluman:

Keuntungan belum diperoleh merujuk kepada keuntungan yang belum direalisasikan pada masa penyelesaian penuh. Pengiraan Ibra' hendaklah mengikut Garis Panduan Ibra' untuk Pembiayaan Berasaskan Jualan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

8. Adakah saya perlukan perlindungan takaful?

- Perlindungan Takaful Keyman tidak diwajibkan di bawah kemudahan ini.
- Polisi Insurans Kebakaran/Peralatan Semua Risiko ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) mungkin dicadangkan.

9. Apakah risiko utama?

Bank boleh mengambil tindakan undang-undang sekiranya anda gagal memenuhi kewajipan pembayaran kepada Bank.

Makluman: Jika anda menghadapi sebarang masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, anda perlu hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik. Anda boleh hubungi kami di mana-mana Cawangan/Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami.

10. Adakah saya memerlukan cagaran atau penjamin?

Kemudahan ini boleh ditawarkan sama ada sebagai:

- (a) Tanpa cagaran (*unsecured*); atau
- (b) Bercagar dengan Jaminan (CGC/SJPP).

Struktur cagaran adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.

11. Apa yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Itu adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada masanya.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian aduan?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan kami, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di mana-mana Cawangan / Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami (<https://www.alliancebank.com.my/branch-locator>) atau rujuk kepada laman web kami di <https://alliancebank.com.my/>.

Alliance Islamic Bank Berhad

Menara Multi-Purpose, Capital Square

No 8 Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

Tel: 1300-80-3388 (Malaysia) +603-5624 3888 (Luar Negara)

E-mel: info@alliancefg.com

Waktu Operasi Cawangan:

Semenanjung Malaysia

Mon-Fri: 9:15am hingga 4:15pm

Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup

Terminal Layan Diri (eLobby): 24jam

Waktu Penjelasan Cek: 4pm

Timur Malaysia

Mon-Fri: 9am hingga 4pm

Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup

Terminal Layan Diri (eLobby): 24jam (kecuali Miri, Sinsuran dan Tawau – dari 6am hingga 12am)

Waktu Penjelasan Cek: 4pm

- Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran, anda dinasihatkan untuk menghubungi pengurus perhubungan anda secepat mungkin bagi membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Alliance Islamic Bank Berhad, Consumer Collections, 2nd Floor, 3 Alliance, 3 Jalan SS15/2A, 47500 Subang Jaya, Selangor.
Tel: 03-5516 9988 **Fax: 03-5516 9399** **Emel: info@alliancecfg.com**

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, Pendidikan kewangan dan penstrukturran semula hutang untuk individu. Anda juga boleh menyertai Program Pengurusan Wang Anda (POWER) untuk membantu dalam pengurusan kredit anda. Maklumat perhubungan dan senarai cawangan boleh didapati di laman web AKPK di <https://akpk.org.my/contact-us>.

Level 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: 03-26167766 **Emel: enquiry@akpk.org.my**

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank di:

Alliance Bank Malaysia Berhad, Group Complaints Unit, 4 Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2604 3300 **Fax: 03-2691 8229** **Emel: info@alliancecfg.com**

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi link atau telelink Bank Negara Malaysia di:

Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 **Fax: 03-2174 1515** **Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my**

- Anda juga boleh menghubungi Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Financial Markets Ombudsman Services – FMOS) di:

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2272 2811 **Fax: 03-2272 1577** **Emel: enquiry@ofs.org.my** www.fmos.org.my

13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kemudahan Peralihan Karbon Rendah (LCTF-i) dan/atau produk serta perkhidmatan lain kami, sila layari laman web Bank di <https://alliancebank.com.my/islamic> atau hubungi pengurus perhubungan perniagaan anda.

14. Produk dan perkhidmatan lain yang tersedia

No.	Produk/Perkhidmatan
1.	Perkhidmatan perdagangan Islamik
2.	Kemudahan Cashline-i
3.	Kemudahan Kredit Pusingan Komoditi Murabahah-i
4.	Pembentukan Premis Perniagaan-i
5.	Sewa Beli Perindustrian-i

15. Penafian

Helaian Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan makluman sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai kewajipan oleh Bank untuk memberikan kemudahan kepada anda. Terma-terma yang dinyatakan adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan kredit oleh Bank.

Maklumat yang diberikan dalam helaian maklumat produk ini adalah sah setakat _____.

MAKLUMAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI PEMBAYARAN BAGI KEMUDAHAN INI.

PENGAKUAN OLEH PELANGGAN

Saya/Kami mengaku bahawa saya/kami telah membaca dan memahami ciri-ciri produk ini, terma-terma utamanya serta kewajipan yang berkaitan dengannya. Saya/Kami faham bahawa helaian pendedahan produk ini adalah semata-mata untuk tujuan makluman dan tidak boleh ditafsirkan sebagai satu tawaran oleh pihak Bank atau kewajipan oleh pihak Bank untuk memberikan sebarang kemudahan kepada kami.

 Nama:

Tarikh: